

29 OCT 2003

Adnan-Tioman

KERAJAAN NEGERI AKAN MINTA BANTUAN PUSAT PANTAU AKTIVITI DI TIOMAN

KUANTAN, 29 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri akan mengemukakan isu kemusnahan terumbu karang di Pulau Tioman kepada kerajaan pusat bagi memastikan segala aktiviti di pulau peranginan itu dipantau rapat, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Adnan berkata beliau akan membincangkan isu berkenaan bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa sidang video majlis pecah tanah Lapangan Terbang Pulau Tioman di Pulau Tioman, petang ini.

Menurutnya sebarang aktiviti, termasuk projek kerajaan yang dijalankan di situ, perlu mengambil kira nilai alam semulajadi memandangkan Pulau Tioman merupakan antara destinasi pelancongan tercantik di dunia.

"Kerajaan negeri amat mengalu-alukan projek seperti ini, tetapi pada masa yang sama kita amat berharap ia mendapat pemantauan secara terus Kementerian Kewangan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar serta Kementerian Pertanian supaya kerosakkan terumbu karang seperti yang berlaku baru-baru ini tidak berulang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Wisma Sri Pahang, di sini hari ini.

Adnan berkata kerajaan negeri akan membuat persiapan supaya Lembaga Kemajuan Tioman (TDA) diberi kuasa, termasuk yang berkaitan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), supaya pentadbiran di Pulau Tioman lebih terbela.

"Kita akan mengajukan perkara ini segera kerana jika TDA diberi kuasa seperti ini, saya percaya kedudukan Pulau Tioman akan lebih terjaga. Selama ini, kita hanya mampu melihat kerana TDA tidak mempunyai kuasa untuk menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan PBT," katanya.

Menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan tidak wujud koordinasi dan persefahaman antara pihak terlibat, Adnan berkata penyelarasan sedia ada memuaskan tetapi boleh diperbaiki.

"Ini bukan soal koordinasi semata-mata, tetapi lebih didasarkan pada sikap tanggungjawab. Jika kerajaan bersungguh-sungguh pun, tapi jika orang sekeliling hanya bersikap sambil lewa, ia tidak berguna," katanya.

Adnan berkata laporan kemusnahan terumbu karang oleh Jabatan Perikanan baru-baru ini menunjukkan bahawa pihak yang terlibat sentiasa memandang serius tugas mereka, begitu juga dengan masyarakat tempatan di Pulau Tioman.

"Insiden itu menunjukkan bahawa penguatkuasa Jabatan Perikanan sentiasa bergerak aktif, begitu juga dengan masyarakat setempat termasuk penyelam skuba yang prihatin dengan keadaan alam semulajadi di sekeliling mereka," katanya.

-- BERNAMA

SOP LAT